



BERSIH...Che Khalid (kiri) bersama Nasaruddin Mat Hassan menyodok pasir membersihkan jalan selepas dilimpahi air Sungai Kuantan, di Tanjung Api, semalam.

> Bersiap hadapi air pasang besar kali kedua

Metro 10/1/07.

KUANTAN: Penduduk Tanjung Api, di sini, yang menetap berhampiran Muara Sungai Kuantan dijangka mengalami air pasang besar kali kedua pada hujung Januari ini.

Lebih membimbangkan penduduk setiap kali air pasang besar sebahagian rumah mereka akan menjadi senget disebabkan limpahan ombak Sungai Kuantan.

Menyedari air pasang dijangka melanda kali kedua, penduduk Tanjung Api masih takut menurunkan segala peralatan elektrik yang sebelum ini dialas dengan batu bagi mengelak rosak terkena air sungai.

Tinjauan Harian Metro mendapati sebahagian rumah penduduk senget manakala sepanjang jalan kecil masuk ke Tanjung Api, di sini, rosak

dan berlubang kerana air pasang besar hujung bulan lalu.

Penduduk terpaksa bergerak menggunakan sampan ketika air pasang besar sebelum ini dan membuat pemantauan di dalam kampung itu bagi mengelak berlaku kecurian.

Penduduk, Che Khalid Sulong, 61, berkata 10 penduduk kampung akan bergotong-royong membersihkan jalan dengan menyodok pasir sebelum membuangnya ke tepi jalan.

"Hampir seminggu penduduk terpaksa melakukan gotong-royong membersihkan jalan bagi memudahkan perjalanan kenderaan termasuk lori berulang-alik masuk ke Tanjung Api.

"Kita jangkakan air pasang

besar kali kedua ini akan berlaku pada hujung bulan dan penduduk juga sudah bersiap sedia menghadapinya," katanya, semalam.

Menurutnya, setiap kali air pasang, penduduk akan berhati-hati kerana bimbang rumah akan tumbang jika dirempuh kayu balak yang hanyut akibat dipukul ombak Sungai Kuantan.

Bagaimanapun, katanya penduduk mendakwa sejak air pasang berlaku sebelum ini yang merosakkan jalan dan rumah, tiada pembelaan dan bantuan yang diterima.

Che Khalid berkata, penduduk juga terpaksa menggunakan wang sendiri untuk membeli cangkul sebelum sepakat membersihkan jalan